



PBD

总结式课堂评估
PENTAKSIRAN SUMATIF



Berdasarkan
Jadual Spesifikasi Ujian
Julai (JSU) 2026

模拟评估 KERTAS MODEL

Ujian Akhir Sesi Akademik

国文

Bahasa
Melayu

Tahun

6



1 set kertas model

- 4 set kertas model yang ditulis mengikut urutan tema buku teks
- 1 set kertas model merangkumi semua tema buku teks

PERCUMA



1 set Kertas Model UASA Digital
<https://bit.ly/492nPzw>



Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)
yang boleh diedit disediakan.
<https://bit.ly/3CyBn9D>

Rosnani Majid Faris Syazwan

Kelas

Sekolah

Nama: _____

Kelas: _____

Tarikh: _____

Kertas Model / I

Tema 1 – 2

BAHASA MELAYU [011]

Satu jam lima belas minit

1. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A [10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Arvin _____ (cermin tingkap) kelas dengan menggunakan sehelai kain pengelap.
- A mengelap
 - B mengusap 抚摸
 - C menggilap 擦亮
 - D memberus 刷

Morfologi Aras R

TIP

Cara menjawab soalan

Teliti penggunaan kata kerja yang paling sesuai berdasarkan konteks ayat yang diberikan.

- 2 Raziq dan kakaknya merancang untuk mengunjungi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur. _____ akan ke sana dengan menaiki MRT.
- A Dia
 - B Kita
 - C Kalian
 - D Mereka

Morfologi Aras R

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3 A Adik selalu menyikat rambutnya supaya sentiasa kusut. 梳发
- B Murid-murid sukar untuk melintas jalan raya yang padat itu. 挤满的
- C Amin tidak dapat menunggang basikalnya kerana tayarnya Kempis. 崩
- D Kami sekeluarga sering ke taman bunga itu kerana tempat itu sangat menawan.

Sintaksis Aras S

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada setiap hujung minggu, Leong dan keluarganya akan bergotong-royong untuk membersihkan halaman rumah. Leong sekeluarga akan bersarapan lebih dahulu sebelum memulakan aktiviti tersebut. Ayahnya akan membahagikan tugas masing-masing supaya kerja menjadi lebih cepat dan mudah.

Ayah Leong akan memotong rumput yang panjang manakala Leong akan menyapu daun kering yang berguguran dari pokok. Ibu Leong akan mencantas pokok-pokok bunga yang terdapat di seluruh kawasan rumah. Kakak Leong menyusun pasu pokok-pokok bunga dan kemudiannya dia akan menyiram pokok-pokok bunga itu pula. Setelah selesai aktiviti gotong-royong itu, halaman rumah Leong menjadi lebih bersih dan ceria.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa Leong dan keluarganya melakukan aktiviti gotong-royong itu di halaman rumah mereka.

4 Di manakah aktiviti gotong-royong dilakukan?

- A Di dapur
- B Di dalam rumah
- C Di halaman rumah
- D Di luar kawasan rumah

Memahami Aras R

5 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.

- A Aktiviti gotong-royong dilakukan pada waktu petang.
- B Leong diberi tugas untuk memotong rumput yang panjang.
- C Ibu Leong akan membahagikan tugas kepada semua anggota keluarga.
- D Sebelum bergotong-royong, Leong sekeluarga akan bersarapan dahulu.

Mengaplikasi Aras S

6 Yang berikut ialah kerja yang dilakukan semasa aktiviti gotong-royong oleh keluarga Leong berdasarkan petikan *kecuali*

- A rumput yang panjang dipotong oleh ayah Leong.
- B Leong menyapu daun kering yang berguguran dari pokok.
- C ibu Leong menanam pokok bunga baharu di halaman rumah.
- D kakak Leong akan menyusun pasu pokok-pokok bunga dan menyiramnya.

Menganalisis Aras T

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Encik Ilham sangat mementingkan waktu bersama-sama dengan keluarganya. Pada setiap minggu, beliau akan memastikan semua anggota keluarganya meluangkan masa bersama-sama tidak kira di rumah ataupun di luar rumah.

Encik Ilham akan merancang aktiviti *berfaedah* yang dapat dilakukan bersama-sama dengan keluarganya. Kebiasaannya, mereka sekeluarga akan menonton filem di rumah, beriadah di taman rekreasi, dan makan di restoran kegemaran mereka.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa Encik Ilham akan memastikan anggota keluarganya meluangkan masa bersama-sama pada setiap minggu.

BAHAN 2

- 7 Encik Ilham akan memastikan anggota keluarganya meluangkan masa bersama-sama pada
- A setiap hari.
 - B setiap tahun.
 - C setiap bulan.
 - D setiap minggu.

Memahami Aras R

- 8 Kebiasaannya, mereka sekeluarga akan menonton filem di rumah, beriadah di taman rekreasi, dan makan di restoran kegemaran mereka.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A biji.
- B buah.
- C bentuk.
- D pasang.

Penjodoh Bilangan Aras R

TIP**Cara menjawab soalan**

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

- 9 Perkataan *berfaedah* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A beraneka.
- B berilmiah.
- C bermacam.
- D bermanfaat.

Memahami Aras S

- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Keluarga Encik Ilham dapat mencipta banyak peristiwa.
- B Encik Ilham sekeluarga melakukan aktiviti riadah di taman permainan.
- C Aktiviti yang dilakukan oleh Encik Ilham sekeluarga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.
- D Aktiviti meluangkan masa bersama-sama dengan keluarga dapat memberikan kesejahteraan minda dan badan.

Menganalisis Aras T

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Nazri dan rakan baiknya, Hong Jie merancang untuk menyertai perlawanan badminton semasa acara sukan tahunan di sekolah mereka. Mereka berazam untuk memenangi tempat pertama dalam perlawanan itu. Oleh sebab itu, mereka aktif mengadakan latihan sebelum perlawanan itu bermula.

Nazri dan Hong Jie berlatih bersama-sama di gelanggang badminton di kawasan perumahan mereka pada setiap petang. Latihan itu dapat membantu mereka meningkatkan stamina badan. Dalam masa yang sama juga, mereka dapat merancang strategi untuk memenangi perlawanan tersebut. Mereka juga mengamalkan pemakanan yang sihat supaya tubuh badan mereka kekal cergas.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa Nazri dan Hong Jie merancang untuk menyertai perlawanan badminton semasa acara sukan tahunan di sekolah mereka.

- 1 (a) Nazri dan Hong Jie merancang untuk menyertai _____ semasa acara sukan tahunan di sekolah mereka.

Memahami Aras R [1 markah]

- (b) Mengapakah mereka aktif mengadakan latihan?

Mereka aktif mengadakan latihan kerana _____

Mengaplikasi Aras R [2 markah]

(c) *Bulatkan satu kata adjektif yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Mereka juga mengamalkan pemakanan yang sihat supaya tubuh badan mereka kekal cergas.

Morfologi Aras S [1 markah]

(d) *Pilih dan tulis (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Mereka berazam untuk memenangi tempat pertama dalam perlawanan itu.

Mereka memenangi tempat pertama dalam perlawanan itu setelah berazam.	
Untuk memenangi tempat pertama dalam perlawanan itu, mereka berazam.	

Sintaksis Aras T [1 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud yang sama dengan ayat yang diberikan.

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Adik kamu kerap menggunakan peranti pintar untuk bermain permainan secara dalam talian sehingga dia terlupa untuk menyiapkan kerja rumah.

2 Sebagai seorang abang, apakah tindakan yang akan kamu lakukan terhadap adik kamu?

KBAT

Sebagai seorang abang, saya akan menegur _____

Menganalisis Aras T [5 markah]

TIP**Cara menjawab soalan**

1. Baca dan fahami situasi yang diberikan.
2. Soalan tersebut meminta kamu memberikan pendapat berdasarkan situasi yang diberikan.

Bahagian C
[10 markah]


Grafik di bawah ini tentang aspek kebersihan di dalam bilik tidur.

Tulis pendapat kamu tentang akibat tidak menjaga kebersihan bilik tidur.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. **KBAT**

Perenggan: Menganalisis Aras T


**TIP****Cara menjawab soalan**

1. Baca dan fahami arahan soalan.
2. Kenal pasti kata kunci dalam arahan soalan.
3. Berdasarkan arahan soalan tersebut, kamu perlu menulis pendapat tentang akibat tidak menjaga kebersihan bilik tidur.

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan. **KBAT**

Karangan: Mencipta Aras T

BERKELAH DI SUNGAI

1 Tulis karangan keperihalan berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tulis catatan berdasarkan gambar di atas.